

LAYANG-LAYANG EKOR CABANG
Fork-tailed Swift

FAMILI: Apodidae
NAMA SAINTIFIK: *Apus pacificus*



CIRI-CIRI

Individu dewasa mempunyai saiz yang agak besar. Bahagian sayap individu ini berbentuk seperti sabit manakala bahagian ekor adalah bercabang. Individu ini mempunyai bulu yang berwarna hitam dengan jalur putih pada bahagian atas tongkeng yang jelas kelihatan. Bahagian rengkong berwarna pudar di mana pada bahagian bawah badan terdapat jalur-jalur berwarna putih serta jalur-jalur gelap pada bahagian tongkeng dan rengkung (agak sukar dilihat semasa di lapangan). Sub-spesies *kanoi* (Indochina dan Semenanjung Malaysia) dikatakan berada di peringkat pertengahan. Bagi individu juvenil pula, hujung bulu pada bahagian primer dan sekunder sayap berwarna putih.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa bagi spesies ini adalah di antara 18.0-19.5 sm.

MAKANAN

Serangga.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan yang telah diluaskan serta di kawasan yang terbuka, pada ketinggian sehingga 2,600 m dari aras laut.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi *sree* yang bernada tinggi seakan-akan memekik.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan pada bulan April hingga Julai. Sarangnya berbentuk separuh cawan dibina daripada rumput atau tumbuh-tumbuhan, melekat pada kawasan permukaan batu dan adakalanya menggunakan sarang burung dari spesies Martin (*Riparia spp.*) atau Delicon (*Delichon spp.*). Telur yang dihasilkan adalah di antara 2-3 biji, berwarna putih dan mempunyai ukuran kira-kira 22.7 X 15 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.